

## UMS Kibar Jalur Gemilang dan 14 Bendera Negeri di Puncak Kinabalu

Terakhir dikemaskini: Khamis, 20 September 2018 15:08 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 158

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

**KHAMIS, 20 SEPTEMBER** – Seramai 15 peserta terdiri daripada pelajar baharu Universiti Malaysia Sabah (UMS), kakitangan UMS, Pramugari MASwings dan Pengacara Astro Awani menyemarakkan sambutan Hari Malaysia melalui program Kibarkan Jalur Gemilang dan 14 bendera negeri di puncak Gunung Kinabalu, kelmarin.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Dr. Ismail Ali berkata, program yang julung kalinya dianjurkan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) itu bertujuan untuk menerapkan semangat patriotik dalam kalangan pelajar dan masyarakat majmuk di Malaysia.

“Selain sebagai salah satu cara menzahirkan rasa “Sayangi Malaysiaku”, para pendaki ini memerlukan kekuatan fizikal dan mental dan semangat yang tinggi untuk menawan puncak Gunung Kinabalu sekali gus mengibarkan Jalur Gemilang dan 14 bendera negeri di Malaysia.

“Dalam masa yang sama, program ini juga satu wadah yang untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara pelbagai agensi yang terlibat yang mewujudkan interaksi serta perkongsian ilmu dalam kalangan para peserta pendakian kali ini,” katanya selepas menyempurnakan pelepasan peserta di Timpohon Gate, Kinabalu Park.

Salah seorang pendaki, Cabin Crew MASwings, Leslie Vitalis ketika ditemui media berkata, ia merupakan pendakian pertama kali yang disertainya dan merasa teruja dan sangat bersemangat apatah lagi ia diadakan bersempena sambutan Hari Malaysia.

“Syabas dan tahniah juga saya ucapkan kepada pihak UMS kerana menganjurkan program yang amat bermanfaat khususnya dalam meningkatkan kesedaran dan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda hari ini,” ujarnya.

Turut hadir pada program itu, Ketua Jabatan JHEP UMS, Ahmadi Nurdin dan Pegawai Eksekutif Maswings, Aminuddin Zakaria.